

Rakan pelik Iren minat teater

BATU PAHAT – Sebagai seorang pelajar kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), rakan-rakannya agak pelik melihat dia begitu meminati teater.

Namun, itulah minat Irendeus Benedict Sunggoh, salah seorang pelakon teater berjudul Darah Muda yang dipersembahkan ahli Kelab Warisan UTHM pada 6 dan 7 Mei lalu.

Iren yang berasal dari Sarawak berkata, cabaran melakonkan watak dalam teater ini adalah dirinya sendiri, walaupun inilah kali pertama dia berlakon, namun tetap yakin dia mampu melakukannya.

Katanya, walaupun diberikan watak sebagai Mei Ling, yang merupakan pelakon wanita utama dalam teater berkenaan, dia tetap memandang

positif untuk melakukannya.

“Saya dapat katakan yang saya mencabar diri saya sendiri, untuk melakonkan watak berkenaan, walaupun terpaksa bercakap dengan loghat Cina ia bukanlah sesuatu yang mustahil.

“Saya mengambil masa hampir sebulan untuk membiasakannya, disebabkan minat untuk berlakon saya tetap teruskan juga, walaupun ada kalanya rakan-rakan menyatakan saya ini melakukan perkara yang pelik.

“Inilah masa saya untuk menunjukkan bakat berlakon teater. Sebelum ini saya tidak berpeluang untuk melakukannya, dan saya gembira walaupun pada awalnya banyak teguran yang diberikan kepada saya,” katanya.

Menurut Iren yang ber-



IREN

cita-cita untuk menjadi pelakon teater secara profesional dan sepenuh masa ini, jurusan kejuruteraan yang diambilnya di UTHM ini langsung tidak melemahkan semangatnya.

Katanya, dia juga turut bersyukur kerana pihak pengurusan UTHM tidak meminggirkan bidang kesenian dan kebudayaan, walaupun



Salah satu babak buli dan tidak menjaga perpaduan di antara pelajar senior dan pelajar junior dalam teater berjudul Darah Muda yang turut dilakukan Iren pada 6 dan 7 Mei lalu di UTHM.

universiti berkenaan merupakan sebuah universiti dalam bidang kejuruteraan dan teknikal.

“Saya berjanji pada diri saya sendiri, untuk melakonkan setiap watak yang diberikan dengan baik, supaya penonton

dapat melihat kebolehan saya, walaupun saya ini merupakan seorang Bumiputera Sarawak,” katanya.